

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1988/89

SPU404 - Seminar Perhubungan Antarabangsa

Tarikh: 27 Oktober 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengah hari
(3 jam)

Jawab **TIGA** soalan semuanya: **SATU** soalan daripada Bahagian A dan **DUA** soalan daripada Bahagian B.

Setiap soalan mempunyai jumlah markah yang sama.

Bahagian A

1. Ramai permerhati mengatakan bahawa negara-negara ASEAN telah berjaya dalam berkerjasama di bidang perhubungannya dengan negara-negara bukan-ASEAN dan menyelaraskan pendirian mereka dalam isu-isu ekonomi antarabangsa; tetapi, negara-negara ASEAN itu kurang berjaya dalam bidang kerjasama serantau. Bersetujukah anda dengan pendapat ini? Berikan hujah-hujah untuk menyokong pandangan anda.
2. Kesangkanlah kerjasama serantau ASEAN sejak tahun 1967. Kemudian, nilaikan pencapaian-pencapaian kerjasama tersebut. Pada pendapat anda, sejauh manakah kerjasama ekonomi ASEAN menunjukkan kesediaan ASEAN menuju ke arah integrasi ekonomi?

Bahagian B

3. Jelaskan konsep "kerjasama politik". Selepas itu, analisiskan usaha kerjasama ASEAN terhadap isu Kampuchea. Dapatkah usaha ini membawa kepada penyelesaian isu Kampuchea dengan lengkapnya? Berikan hujah-hujah untuk menyokong pandangan anda.
4. Bandingkan sikap negara-negara ASEAN terhadap Kuasa-Kuasa Besar. Pada pendapat anda, adakah kerjasama politik wujud di kalangan negara-negara ASEAN dalam perhubungan mereka dengan Kuasa-Kuasa Besar tersebut?
5. Sejauh manakah negara-negara ASEAN telah bersedia - dan berjaya - dalam menyelaraskan dasar-dasar mereka terhadap Vietnam? Dalam menjawab soalan ini, anda harus mengambil kira persamaan-persamaan dan perbezaan-perbezaan dasar negara-negara ASEAN itu.